

Tetapkan tempoh selesai isu air — PM

UM - 7 SEP 2002

Oleh MOHD. NIZAM
MOHD. YATIM

CYBERJAYA 6 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia dan Singapura harus menetapkan tempoh tertentu bagi menyelesaikan isu semakan harga air mentah yang telah tertangguh sejak tahun 1986.

Perdana Menteri berkata, penetapan tersebut perlu dibuat kerana kerajaan tidak lagi dapat menerima situasi sekarang yang merugikan Malaysia apabila terpaksa menjual air mentah dengan harga murah kepada republik itu.

“Saya tidak tahu macam mana kita nak mene-

tapkan tempoh masa tersebut, tetapi saya fikir memang perlu tempoh masa ditetapkan,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan secara berasingan selama sejam dengan empat pegawai kanan syarikat teknologi maklumat antarabangsa, di sini hari ini.

Beliau mengulas rundingan kedua peringkat menteri antara Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan rakan sejawatannya dari Singapura, Prof. S. Jayakumar pada 2 dan 3 September lalu di republik itu yang tidak mencapai sebarang kemajuan.

Rundingan tersebut menemui jalan buntu setelah Singapura berkeras

untuk memasukkan isu semakan harga air mentah yang dibekalkan mengikut Perjanjian Air 1961 dan 1962 di dalam satu pakej bersama isu tertangguh lain.

Isu lain ialah caruman dalam Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF), tanah milik Keretapi Tanah Melayu di Singapura, penempatan pegawai Kastam, Imigresen dan Kuarantin Malaysia (CIQ) dan penggunaan ruang angkasa Malaysia oleh Tentera Udara Singapura.

Dr. Mahathir berkata, Singapura wajar menerima syor Malaysia supaya ia dibincangkan secara berasingan bagi membolehkan isu lain diselesaikan secara lebih cepat.

“Isu semakan harga baru air tidak mencapai sebarang kemajuan berikutan sikap Singapura yang tidak mahu menerima realiti dan enggan menetapkan harga air secara munasabah.

“Walaupun harga air mentah Malaysia dinaikkan ia lebih murah berbanding air kumbahan yang kosnya sangat tinggi, tapi kita tidak boleh buat apa-apa sekiranya mereka masih enggan bertolak ansur,” jelasnya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia akan memikirkan apa sahaja cara lain untuk menyelesaikan isu semakan harga air tersebut sekiranya rundingan masih menemui jalan buntu.

“Sekiranya ia masih

berpanjangan kita terpaksa merujuk perkara ini kepada pihak timbangtara, tetapi ini hanya boleh dilakukan jika kedua-dua negara bersetuju,” katanya.

Beliau menegaskan, Singapura tidak wajar mengambil peluang daripada syarat yang memerlukan kedua-dua negara bersetuju untuk mengenakan pelbagai syarat lain yang tidak munasabah kepada Malaysia.

“Sekiranya mereka fikir boleh mendapat sumber air mentah dari tempoh lain dan tidak mahu lagi membeli air kita, sudah tentu kita amat gembira kerana Malaysia telah rugi banyak wang,” tegasnya.